
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

HST 223 – Kepulauan Asia Tenggara

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan daripada setiap bahagian.

Bahagian A

1. Sejauh manakah penyebaran agama Katolik merupakan faktor utama dalam usaha Sepanyol menjajah Kepulauan Filipina?
2. "Gerakan Propaganda (1872-1892) ditubuhkan untuk memperkukuhkan penjajahan Sepanyol di Kepulauan Filipina." (Renato Constantino) Sejauh manakah pandangan ini merupakan satu penilaian yang sah?
3. "Amerika Syarikat mengambil alih Kepulauan Filipina daripada Negara Sepanyol kerana tidak mahu kawasan itu jatuh ketangan kuasa barat yang lain." (Kenyataan Menteri Luar Negara Sepanyol, 1898). Setakat manakah kenyataan ini dapat diterima?
4. "Kemerdekaan bagi Kepulauan Filipina merupakan suatu sandiwara sahaja kerana pada hakikatnya Filipina tidak boleh diberi kemerdekaan." (Jesus Lava, pemimpin Parti Komunis Filipina, 1946). Setujukah anda bahawa Negara Filipina telah diberi kemerdekaan penuh pada Julai 1946 oleh Amerika Syarikat?

Bahagian B

5. Sejauh manakah Dasar Etika yang diperkenalkan pada 1900 berjaya memperbaiki taraf hidup kaum pribumi di Kepulauan Hindia Timor Belanda?
6. Mengapakah Partij Indische tidak dapat sokongan orang ramai manakala Sarekat Islam berjaya memperolehi sokongan massa pada 1912?
7. Satu ciri yang amat jelas ialah perpecahan dalam pergerakan nasionalis Indonesia menjelang Perang Dunia Kedua. Bincangkan sebab-sebab kenapa para nasionalis tidak dapat mencapai perpaduan pada tahun 1920an dan 1930an.
8. "Jika Jepun tidak menduduki Kepulauan Hindia Timor dari 1942 sehingga 1945 sudah pasti penjajahan Belanda akan kekal." (van Mook) Bahaskan kenyataan ini.